

D.R. 3/2007

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta untuk meminda Akta Pelindungan Pengguna 1999.

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Pelindungan Pengguna (Pindaan) 2007.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*,

Pindaan seksyen 2

2. Akta Pelindungan Pengguna 1999 [*Akta 599*] dipinda dalam seksyen 2—

(a) dengan memasukkan selepas perkataan "perdagangan" dalam subseksyen (1) perkataan "termasuk apa-apa urusan niaga perdagangan yang dijalankan melalui cara elektronik";

Rang Undang-Undang

- (b) dengan memasukkan selepas koma bernoktah di hujung perenggan (2)(e) perkataan "dan";
- (c) dengan menggantikan perkataan "; dan" dalam perenggan (2)(f) dengan noktah; dan
- (d) dengan memotong perenggan (2)(g).

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Pelindungan Pengguna 1999 ("Akta 599").

- 2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
- 3. *Fasal 2* bertujuan untuk meminda seksyen 2 Akta 599 dengan memotong perenggan (2)(g) supaya Akta 599 terpakai bagi urus niaga perdagangan yang dijalankan melalui cara elektronik.
- 4. Pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus dalam Huraian ini merupakan pindaan yang kecil atau berbangkit.

IMPUKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U³)2567]